

**SUMAZAU:
ANTARA DONGENG, MAKNA, DAN PEMIKIRAN**

Noor Aina Dani
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Pengajian Bahasa Moden, UPM
Malaysia

Pengenalan

Sumazau merupakan sejenis tarian tradisional Malaysia yang berasal dari Negeri di Bawah Bayu. Pada hakikatnya, tarian Sumazau ialah hak milik satu kelompok masyarakat peribumi Sabah yang dikenal sebagai suku kaum Dusun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994: 323).

Suku kaum Dusun membentuk satu per tiga daripada jumlah penduduk Sabah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991:10). Mereka tinggal di Bahagian Pantai Barat, Pedalaman, dan Pantai Timur Sabah. Lampiran 1 menunjukkan kawasan penyebaran suku kaum Dusun di Sabah. Kelompok-kelompok Dusun tersebut terdiri daripada 12 suku yang dikenali sebagai suku Dusun Papar, Dusun Putatan, Dusun Penampang, Dusun Ranau, Dusun Lotud, Dusun Kiau, Dusun Rungus, Dusun Tagas, Dusun Tempasuk, Dusun Tambunan, Dusun Tatana, dan Dusun Tungku atau Begahak (Japiun Madisah, 1986:3). Suku-suku kaum Dusun bermukim di kawasan yang berasingan serta menggunakan dialek yang berlainan, tetapi tidak timbul masalah kekangan komunikasi antara satu suku dengan suku yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa masih wujud unsur-unsur saling menterjemah antara suku lantaran ciri-ciri budaya yang dikongsi berdasarkan warisan bersama (Clayre, 1966:8). Oleh itu, semua ahli dalam satu suku sedia maklum bahawa Sumazau ialah tarian yang diwarisi bersama dan diturunkan secara leluhur dari generasi yang terdahulu kepada generasi yang terkemudian.

Terdapat suku kaum Dusun di Sabah yang dikenali dengan nama 'Kadazan'. Nama 'Kadazan' sebagai autonim mula tersebar selaras dengan pendaftaran rasmi masyarakat Kadazan pada tahun 1953 (Pugh-Kitingan, 1989:367). Walhal pada mulanya 'Kadazan' turut diklasifikasi sebagai bangsa yang sama serumpun dengan 'Dusun'. Apabila dimensi politik dilibatkan untuk

mengelaskan suku-suku tersebut, keadaan menjadi tidak menentu (Gimfil, 1983:37). Berdasarkan kenyataan Gimfil (1983) serta kenyataan penulis-penulis seperti Arena Wati (1978), Siptzack (1984), Moody (1984), Miller (1984), Ave dan King (1986), Regis (1989), dan Appell (1991), maka penulis mengekalkan penggunaan nama 'Dusun' untuk merujuk kelompok etnik yang menurunkan tarian Sumazau.

Asal Usul Tarian Sumazau

Pada masa kini, tarian Sumazau sering dihubungkan dengan *Tadau Kaamatan* atau Perayaan Pesta Menuai yang disambut di Sabah pada tanggal 30 dan 31 Mei setiap tahun. Sewaktu Perayaan Pesta Menuai, tarian Sumazau dipersembahkan dalam majlis-majlis keramaian untuk tontonan umum. Tanpa tarian Sumazau sesuatu majlis dikatakan tidak lengkap dan suasananya hambar. Di samping itu, tarian Sumazau sering dijadikan cara pentas atau acara yang memeriahkan lagi sesuatu majlis perkahwinan. Namun di sebalik keunggulannya sebagai tarian ikutan tradisi, tersirat cerita dongeng yang mengaitkan tarian Sumazau dengan upacara pemujaan semangat padi.

Suku kaum Dusun memuja semangat padi agar padi berbuah lebat di samping mengharapakan hasil padi yang baik pada tahun berikutnya. Kebanyakan generasi muda masa kini yang menganggap Sumazau sebagai ikutan tradisi semata-mata tidak mengetahui tentang cerita dongeng tersebut. Walaupun terdapat dalam berbagai-bagai versi, intipati ceritanya tetap sama.

Menurut yang empunya cerita, masyarakat Dusun pada zaman silam bermukim di suatu lembah yang subur. Alkisah berlakulah satu fenomena yang ganjil. Segumpal batu telah tumbuh di satu kawasan dalam lembah tersebut. Kian hari batu itu kian membesar. Kian hari kian panas pulalah cuaca di lembah itu. Akhirnya lembah yang subur itu kering kontang akibat ditimpa bencana kemarau. Tanam-tanaman serta binatang-binatang ternakan turut musnah. Dalam mengharungi mala petaka alam itu, beberapa orang kampung didatangi mimpi yang serupa. Kononnya mala petaka yang menimpa mereka akan berakhir jika seorang perempuan cantik yang berhati mulia dapat dijadikan korban kepada batu itu. Maka hebohlah orang-orang kampung memperkatakan tentang mimpi itu. Arakian Tok Ketua pun memanggil anak-anak buahnya ke

balai lalu berbincang tentang mimpi berkenaan. Walau bagaimanapun, mereka tidak sampai hati untuk mengorbankan nyawa manusia. Keputusan berdasarkan persetujuan ramai itu telah didengar oleh si Kinomulok, anak gadis Tok Ketua. Secara senyap-senyap Kinomulok menyusup ke kawasan batu yang kian membesar itu lalu terserempak dengan beberapa orang *bobolian* (pendeta). Si Kinomulok bertanya kepada mereka akan kebenaran firasat mimpi yang diheboh-hebohkan itu dan *Bobolian* mengiakkannya. Gadis yang cantik dan berhati mulia itu tidak sanggup membiarkan orang kampungnya menderita apatah lagi mati kebuluran. Dia menawarkan diri untuk dijadikan korban tetapi orang-orang kampung yang berada di kawasan batu itu menolak tawarannya. Tiba-tiba kedengaran bunyi guruh yang amat kuat diiringi kilat sabungmenyabung. Dengan tidak semena-mena si Kinomulok telah disambar petir. Tubuhnya berceraibera. Kononnya darahnya bertukar menjadi padi. Giginya menjadi jagung manakala isinya pula menjadi timun. Pada malam selepas kejadian tersebut, orang-orang kampung bermimpi bertemu dengan si Kinomulok. Dia berpesan agar orang-orang kampung menghadahkan tujuh tangkai padi kepadanya setiap kali selepas musim menuai padi. Dia juga meminta agar pokok jagung dan timun ditanam di bendang atau di sawah padi. Sebab itulah sehingga kini jagung dan timun masih ditanam di bendang dan di sawah padi. Kononnya, selepas si Kinomulok disambar petir baharulah batu itu berhenti membesar dan lembah kembali subur. Adalah dipercayai batu itu ialah Gunung Kinabalu yang ada sekarang. Masyarakat Dusun juga percaya roh si Kinomulok telah menjelma dalam bentuk *Bambarayon* yang menjadi semangat padi. *Bambarayon* ialah sejenis burung layang-layang yang berjambul atau nama saintifiknya *Hemiprocne coronata* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994:776). Secara alamiah, *Bambarayon* atau burung layang-layang tidak memakan padi. Serangga merupakan makanan utamanya. Di samping itu, burung layang-layang sering kelihatan berterbangan di kawasan bendang dan sawah padi. Dengan demikian gerak tari Sumazau dikaitkan dengan *Bambarayon* yang dianggap oleh suku kaum Dusun sebagai semangat padi.

Makna Gerak Tari Sumazau

Tarian Sumazau dipersembahkan sekurang-kurangnya oleh sepasang penari, iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan. Kedua-dua penari berpakaian serba hitam. Penari lelaki memakai *sigar* (destar) dan penari perempuan memakai

saraung (alas kepala). Mereka menari mengikut rentak paluan 7 atau 8 gong. Pada mulanya rentak tarian agak perlahan kerana kesemua gong tidak dipalu serentak. Rentak tarian Sumazau menjadi harmonis selepas semua bunyi paluan gong bersepadu.

Semasa menari tarian Sumazau, tangan dihayun ke hadapan dan ke belakang serentak dengan enjutan kaki kanan dan kaki kiri. Gerak tari seperti itu menyampaikan makna semangat *tabang* (gotong-royong) dalam mengusahakan tanaman padi. Sehingga kini suku kaum Dusun masih mempraktikkan semangat bergotong-royong. Biasanya ahli masyarakat akan memperuntukkan sekian-sekian hari untuk membantu kerja-kerja bendang atau sawah padi kepunyaan jiran tetangganya. Hal yang sama turut dilakukan oleh jiran tetangganya. Dengan cara demikian kerja yang berat menjadi ringan.

Apabila rentak paluan gong telah harmonis, kaum lelaki akan bertempik, "He ... he!" Tempikan ini menandakan bahawa telah tiba masanya untuk menukar gerak tari. Selain itu, ianya sebagai pernyataan rasa gembira kerana *Bambarayon* atau semangat padi telah memberi hasil tuaian padi yang banyak pada tahun tersebut.

Selepas bertempik, kedua-dua belah tangan didepakan ke sisi dengan pergelangan tangan digerakkan ke atas dan ke bawah. Gerak tari sedemikian membayangkan peniruan gerakan burung yang melayang di awang-awangan. Gerakan tersebut dikaitkan dengan sifat *Bambarayon* (semangat padi jelmaan burung layang-layang) yang sentiasa melindungi tanaman padi daripada ancaman anasir-anasir perosak padi.

Pemikiran di sebalik Pemujaan Semangat Padi

Terdapat sebanyak 8 jenis upacara pemujaan yang dipraktikkan oleh suku Dusun. Upaca-upacara tersebut dihubungkan dengan kelahiran, penyakit, kematian, keselamatan masyarakat, pertanian, memburu, dan untung nasib (Williams, 1977:23). Pertanian sering dikaitkan dengan padi kerana padi ialah tanaman utama mereka.

Pemujaan semangat padi merupakan pemujaan kepada kuasa simbolik yang tidak empiris. Pemujaan merupakan hasil ciptaan fikir an manusia, tetapi ia menjadi unsur yang kuat dalam hal ehwal manusia dan boleh dikatakan sebagai dipersonifikasikan. Semangat padi dianggap bukan manusia dan diberi darjat

yang tinggi. Hal ini bermakna, masyarakat Dusun zaman silam mengadakan seakan-akan satu perhubungan dengan semangat padi tetapi sempadan yang tepat tidak dapat ditentukan dengan jelas. Pemujaan semangat padi mungkin mempunyai implikasi sosial kerana terpancar peri pentingnya semangat padi sebagai suatu kuasa yang menyatukan masyarakat, dan sebagai penetap isbat sosial bagi kelakuan yang disetujui.

Daripada cerita dongeng tentang semangat padi dapat ditafsirkan bahawa anasir-anasir alam seperti guruh, kilat, dan batu boleh mempengaruhi manusia. Umpamanya, batu dikatakan telah menjadi objek sembah dan korban. Batu diberi personaliti dengan cara demikian, terutama sekali apabila peristiwa yang ajaib dikaitkan dengannya.

Mengapakah mesti masyarakat Dusun zaman silam mengamalkan upacara pemujaan semangat padi? Jawapannya terletak sebahagiannya pada keadaan masyarakat Dusun zaman silam yang belum maju teknologinya dan masih mengamalkan pertanian sara diri. Kehidupan dalam keadaan masyarakat sedemikian dapat memberi sesuatu yang tidak diperolehi manusia yang bertamadun. Namun kehidupan sehari-hari mereka penuh dengan bahaya yang tidak disangka-sangka dan kadang-kadang menakutkan. Mereka tidak mempunyai pengetahuan empiris yang mencukupi untuk membolehkan mereka mengatasi bahaya berbekalkan teknik yang dapat diuji secara ilmiah. Oleh itu, mereka terpaksa mengatasi bahaya dengan cara simbolik dan ekspresif. Satu cara adalah dengan menspiritualisasikan alam ini. Anggota-anggota masyarakat yang sederhana itu tidak mempunyai sumber yang praktik untuk menghadapi ketidaksuburan padi atau musim kemarau. Tetapi sekiranya mereka memberi kuasa kepada sesuatu dengan sifat-sifat yang tertentu, mereka sekurang-kurangnya dapat menyingkirkan perasaan takut terhadap ancaman yang mendatang. Kemudian, dengan pemujaan mereka menyandarkan harapan kepada kuasa spiritual. Cara memandang dunia begini dapat terus dihidupkan lama selepas pengetahuan dan teknik tentang pertanian moden diketahui umum. Cara begini memenuhi keperluan sejagat yang dalam dunia moden pun tidak dapat dipenuhi dengan sebarang cara yang lain.

Penulis tidak akan menyentuh lagi aspek semangat padi dari segi konsep, yakni bagaimana anggapan terhadapnya dan peri pentingnya dari segi simbolik. Penulis akan memperkatakan pula peri pentingnya semangat padi dari segi tindakan.

Penulis telah menekankan bahawa semangat menjadi penting untuk manusia bertindak apabila pengetahuan ilmiah tidak mencukupi. Dunia semangat menjadi penting dari segi pertanian apabila manusia diancam mala petaka alam, umpamanya musim kemarau yang berpanjangan. Dapatlah diandaikan dengan melakukan upacara pemujaan semangat padi, mereka akan dapat memuaskan semangat itu. Sebagai balasan, semangat tersebut diharap akan mengundurkan pengaruh ancaman padi. Pada asasnya apa yang penting ialah kualiti pelakuan dari segi simbolik. Seluruh perlakuan itulah yang dipercayai mempunyai kesan. Umpamanya, Sumazau merupakan satu lakuan yang dramatik jika makna yang tersirat di sebalik gerak tarinya mampu kita fahami. Sekurang-kurangnya si penari memegang peranan yang mewakili masyarakat Dusun itu sendiri dari segi pakaian dan perhiasan diri. Selain itu, Sumazau lebih merupakan peristiwa ramai daripada peristiwa sendirian. Dikatakan demikian kerana biasanya tarian Sumazau diiringi paluan gong serta tempik sorak yang juga menjadi saluran melepaskan tekanan perasaan. Boleh dikatakan peraturan yang dipegang oleh masyarakat tersebut ialah *do ut des*, yakni "memberi dan menerima" seperti bergotong-royong semasa mengerjakan sawah padi (Beattie, 1979:306).

Kesimpulan

Penulis telah mengaitkan tarian Sumazau dengan kepercayaan terhadap semangat padi yang bukan manusia. Kepercayaan seperti itu menjadi sebahagian daripada amalan hidup masyarakat Dusun zaman silam. Amalan tersebut dapat mengurangkan kebimbangan dan tekanan. Dengan kata lain, kepercayaan terhadap semangat padi dapat memberi keyakinan semasa menghadapi krisis hidup walaupun dari segi ilmiah cara sedemikian tidak berkesan. Secara tidak langsung hal ini menampakkan pergantungan manusia kepada alam semula jadi.

Bibliografi

- Appell, G.N. (1991) "Errors in Borneo Ethnography: Part 1." *Borneo Research Bulletin*, 23:85-95.
- Arena Wati (1978) *Dusun*. Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah

- Ave, Jan B. dan King, Victor T. (1986) *Borneo: The People of the Weeping Forest: Tradition and Change in Borneo*. Leiden: National Museum of Ethnology.
- Beattie, J. (1979) *Lain-lain Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clayre, B.M. (1966) "A Comparison of Some Dialects of Dusun." *The Sabah Society*, 3:3-12.
- Gimfil James (1983) *The Kadazan at the Crossroads*. Kuala Lumpur: Penampang Kiti Trading.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (1991) *Siaran Perangkaan Tahunan Sabah*. Kota Kinabalu: JPM Cawangan Sabah.
- Japiun Madisah (1986) *Tatacara Adat Istiadat dan Kebudayaan Kadazan*. Kota Kinabalu: Sikuk Publication.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Miller, Carolyn. (1984) "Introduction." Dalam Julie K. King dan John Wayne King (ed.) *Languages of Sabah: A Survey Report*. Pacific Linguistics Series C, 78:52.
- Moody, David C. (1984) "Conclusion." Dalam Julie K. King dan John Wayne King (ed.) *Languages of Sabah: A Survey Report*. Pacific Linguistics Series C, 78:330.
- Pugh-Kitingan, Jacqueline. (1989) "Cultural Development in Sabah, 1963--1988." Dalam Jeffrey G. Kitingan dan Maximus J. Ongkili (ed.) *Sabah 25 Years Later 1963-1988*. Kota Kinabalu: Institute for Development Studies (Sabah), hlm. 367-370.